



## UPM Bolot Pingat Emas Dan Perak Pertandingan Memasak Sihat



*Kumpulan UPM meraih Johan dan Naib Johan Pertandingan Memasak Sihat Antara Kolej.*

**PETALING JAYA, 24 Mei-** Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli Pertandingan Memasak Sihat Antara Kolej apabila muncul Johan dan Naib Johan, sekali gus membawa pulang wang tunai RM2,000 dan RM1,000 dengan mengetepikan tiga pencabar terdekat.

Dua kumpulan pelajar dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM itu memenangi pingat emas dan perak di dalam International College Health Food Competition yang telah diadakan di Kolej Damansara Utama (KDU).



Pelajar program Pengajian Makanan, Tan Huang Vern dan Chin Lit Wah merangkul tempat pertama dengan membawa pulang trofi, wang tunai RM 2,000 berserta hamper manakala tempat kedua menjadi milik Siti Safiyah dan Nor Farah Azreena juga dari program yang sama menerima wang tunai RM 1,000, trofi serta hamper.

Pertandingan yang disertai 23 kumpulan mewakili institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta itu dianjurkan oleh penuntut tahun akhir Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Seni Kulineri, Kolej Damansara Utama (KDU) dan ditaja oleh Petronas Dagangan Berhad (PDB).

Ketua projek, Zamzani Abdul Wahab (Chef Zam), berkata usaha menggabungkan pelajar kulineri di seluruh negara untuk berentap pada pertandingan itu diharap mampu menonjolkan kebolehan mereka.

“Buat tahun kedua, KDU mengundang penuntut tahun akhir jurusan kulnari menampilkan kemahiran, kreativiti dan skil masakan mereka dengan menyediakan hidangan lengkap berasaskan bahan utama, oat, pasta dan coklat.

“Setiap kumpulan perlu menempuhi dua peringkat iaitu yang pertama membabitkan dua hidangan sama ada pembuka selera atau manisan dalam tempoh sejam, namun kita hanya memilih lima finalis,” katanya selepas majlis penyampaian hadiah.



*Tan Huang Vern dan Chin Lit Wah membawa pulang wang tunai RM2,000.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).**